

26 MAY 2003

KWSP-Caruman

PENGURANGAN CARUMAN KWSP BERMULA JUN INI.

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Pengurangan dua peratus caruman bulanan pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus, akan berkuatkuasa mulai Jun ini.

Pengurus Kanan Perhubungan Awam KWSP Nik Affendi Jaafar dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini berkata caruman pekerja untuk gaji bulan Jun yang perlu dibayar sebelum 15 Julai 2003 adalah berdasarkan kadar sembilan peratus yang akan berkuatkuasa selama satu tahun sehingga gaji bulan Mei 2004.

"Kadar baru ini akan menyebabkan pengurangan caruman yang dikutip oleh KWSP sebanyak RM170 juta sebulan atau RM2 billion untuk tempoh setahun dan tidak akan menjejaskan aktiviti pelaburan KWSP," katanya.

Bagaimanapun caruman bulanan majikan kekal pada kadar yang sama iaitu 12 peratus.

"Keputusan ini adalah selaras dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya semasa mengumumkan Pakej Strategi Baru untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Dalam kenyataan yang sama, Nik Affendi berkata KWSP akan mengedarkan jadual caruman baru berdasarkan kadar caruman yang dipinda kepada semua majikan pada akhir bulan ini setelah siap dicetak.

"Jadual kadar baru ini juga boleh diperoleh melalui laman web KWSP www.kwsp.gov.my," katanya.

-- BERNAMA

MAF AHH LAT